

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
OLEH
Y.BHG. DATUK ABDUL RAHIM BIN BAKRI
TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN II MALAYSIA**

**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PENUTUP
PROGRAM SATU KOMUNITI SATU JPJ (SKSJ)
DI SEKOLAH KEBANGSAAN SRI NETING, TUMPAT,
KELANTAN.**

TARIKH : 28 APRIL 2011 (KHAMIS)

**TEMPAT : DEWAN SEKOLAH KEBANGSAAN
SRI NETING, TUMPAT,
PENGKALAN KUBOR
KELANTAN**

MASA : 10.45 PAGI

BISMILLAHIRAHMANIRRAHIM,

YANG DIHORMATI PENGACARA MAJLIS

YANG BERHORMAT DATO' HAJI NOOR ZAHIDI BIN HJ OMAR
ADUN PENGKALAN KUBOR

YANG BERHORMAT DATO' HJ SOLAH BIN MAT HASSAN
KETUA PENGARAH PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

Y.BRS. TUAN HJ. ABD GHANI BIN CHE KASIM,
PENGARAH JPJ NEGERI KELANTAN

YA.BRS TN.HJ SERPUDDIN B. MOHAMAD
KETUA JAJAHAN TUMPAT

Y.BRS. SUPT KHALID BIN MUNAP
KETUA POLIS DAERAH

Y.BRS. EN. ZAKARIA BIN AWANG CHIK
PEGAWAI PELAJARAN DAERAH TUMPAT

PENGARAH-PENGARAH JPJ NEGERI DAN BAHAGIAN,

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN JPJ KELANTAN

KETUA-KETUA JABATAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI

YANG DIHORMATI PUAN HAJAH MAZNAH BINTI ABDULLAH
GURU BESAR SEKOLAH KEBANGSAAN SRI NETING, TUMPAT

Y.BRS PENGGAWA DAERAH

PENYELIA-PENYELIA PEMBANGUNAN MUKIM

YANG DIHORMATI TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN, PESERTA SKSJ
DAN HADIRIN SEKALIAN

ASSALAMUALAIKUM W.B.R.T. , SALAM SEJAHTERA DAN
SALAM 1 MALAYSIA

ALHAMDULILLAH DI PAGI YANG MULIA DAN BERKAT INI MARILAH
KITA SEMUA MENGAMBIL KESEMPATAN UNTUK MEMANJATKAN
KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH S.W.T KERANA DIPANJANGKAN
UMUR UNTUK DAPAT KITA BERKUMPUL DI DEWAN SEKOLAH
KEBANGSAAN SRI NETING, TUMPAT PADA HARI INI. DI
KESEMPATAN INI, SAYA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH
KEPADA Y.BHG. DATO HJ SOLAH MAT HASSAN, KETUA PENGARAH
PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA DI ATAS JEMPUTAN BAGI
MERASMIKAN MAJLIS PENUTUP SKSJ PADA HARI INI. TERIMA

KASIH JUGA DIUCAPKAN KEPADA PENGARAH JPJ NEGERI KELANTAN SERTA AHLI-AHLI JAWATAN KUASA KERJA SERTA SEMUA PIHAK YANG TELAH BEKERJASAMA DAN MEMBERI SOKONGAN BAGI MENJAYAKAN PROGRAM SATU KOMUNITI SATU JPJ PADA KALI INI.

YANG BERHORMAT, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

UNTUK MAKLUMAN, PROGRAM SKSJ INI ADALAH PROGRAM UNTUK MENDEKATKAN JABATAN INI DENGAN MASYARAKAT SETEMPAT IAITU DENGAN MEMBAWA PERKHIDMATAN YANG ADA DI PEJABAT TERUS KEPADA RAKYAT. TERUTAMANYA BAGI MEMPEROLEHI LESEN MEMANDU PERCUBAAN (P) BAGI MOTOSIKAL DENGAN MENGIKUT PERATURAN YANG DITETAPKAN. IANYA JUGA UNTUK MENINGKATKAN KESEDARAN MASYARAKAT TENTANG KEPENTINGAN MEMILIKI LESEN MEMANDU UNTUK MEMANDU KENDERAAN, MEMATUHI UNDANG-UNDANG, PERATURAN DAN KESELAMATAN SERTA SETERUSNYA UNTUK MENGURANGKAN KEMALANGAN DI JALAN RAYA.

PADA TAHUN 2011, SEKOLAH KEBANGSAAN SRI NETING MERUPAKAN LOKASI PERTAMA YANG DIPILIH OLEH JPJ NEGERI KELANTAN UNTUK MENGADAKAN PROGRAM SKSJ YANG MELIBATKAN SERAMAI **472 CALON**. PROGRAM INI MERUPAKAN INISIATIF KERAJAAN PUSAT UNTUK MEMBERI KEMUDAHAN KEPADA

WARGA-WARGA EMAS TERUTAMANYA YANG BERADA DI KAWASAN LUAR BANDAR BAGI MEMILIKI LESEN MEMANDU.

SEBAGAIMANA YANG TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEDIA MAKLUM, PIHAK JPJ NEGERI KELANTAN TELAH PUN MENETAPKAN BAYARAN UNTUK MENDAPATKAN LESEN BAGI MOTOSIKAL DI DALAM PROGRAM SKSJ INI SEBANYAK **RM150.00 (SERATUS LIMA PULUH RINGGIT SAHAJA)**. PECAHAN-PECAHAN KOS ADALAH MELIPUTI:-

- i. PENYEDIAAN TAPAK LATIHAN DAN UJIAN
- ii. PEMBELIAN KAD TEMPAHAN UJIAN
- iii. PEMBELIAN INSURAN KELOMPOK SEMASA UJIAN
- iv. UNTUK LESEN 'L' DAN 'P'
- v. PEMBELIAN VEST KEPADA PESERTA
- vi. URUSAN MAKAN DAN MINUM SEMASA KELAS KPP, PRA-L SERTA UJIAN MOTOSIKAL
- vii. PERBELANJAAN HADIAH SUKAN RAKYAT DAN LAIN-LAIN PERBELANJAAN KECEMASAN

UNTUK MAKLUMAN BERMULA JANUARI – MAC 2011, JPJ NEGERI KELANTAN TELAH MENDAFTAR KENDERAAN BARU SEBANYAK 10,019 BUAH UNIT KENDERAAN. MANAKALA PENGELUARAN LESEN MEMANDU PERCUBAAN BAGI NEGERI KELANTAN ADALAH 11,553 UNIT PEMEGANG LESEN BAGI TEMPOH YANG SAMA.

JUMLAH KESELURUHAN KEMALANGAN YANG DILAPORKAN BERLAKU DI NEGERI KELANTAN PADA BERMULA JANUARI – MAC 2011 ADALAH SEBANYAK 2,212 KES. BAGI KEMALANGAN MOTOSIKAL YANG DILAPORKAN BERLAKU DI NEGERI KELANTAN BERMULA JANUARI - MAC 2011 ADALAH 1,016 KES DAN MENGORBANKAN 13 MANGSA. BAGI DAERAH TUMPAT SAHAJA KEMALANGAN MOTOSIKAL YANG DILAPORKAN ADALAH SEBANYAK 87 KES DAN MENGAKIBATKAN 01 MANGSA.

OLEH YANG DEMIKIAN, INGIN SAYA TEGASKAN DI SINI BAHAWA JPJ MERUPAKAN AGENSI KERAJAAN YANG BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PENGUATKUASAAN DI JALAN RAYA. KEMALANGAN YANG MELIBATKAN MOTOSIKAL MENINGKAT SERTA MEMBIMBANGKAN ADALAH BERPUNCA DARIPADA SIKAP PENGGUNA YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB SERTA KURANGNYA KEBOLEHAN DAN KEMAHIRAN PEMANDU / PENUNGGANG ITU SENDIRI DALAM MENGAMALKAN SIKAP PEMANDUAN BERHEMAH DI JALAN RAYA. INILAH CABARAN YANG JPJ HADAPI. JUSTERU ITU SAMA-SAMALAH KITA BERTANGGUNGJAWAB DAN MEMATUHI UNDANG-UNDANG JALANRAYA BAGI MENGELAK DARIPADA TERLIBAT DENGAN KEMALANGAN DIJALANRAYA.

YANG BEHORMAT DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

MELALUI PROGRAM SKSJ INI, JPJ TELAH MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN YANG DI BAWA TERUS KEPADA RAKYAT MELIPUTI PERKARA-PERKARA BERIKUT :-

- MEMBERIKAN PENDEDAHAN DAN PENDIDIKAN KEPADA WARGA EMAS YANG BERUMUR 45 TAHUN KE ATAS UNTUK MENDUDUKI UJIAN UNDANG-UNDANG JALAN RAYA SECARA LISAN BERKELOMPOK DI TEMPAT MASING-MASING TANPA MENGIRA BANGSA DAN KETURUNAN, ASALKAN IANYA WARGANEGARA MALAYSIA.
- MENGADAKAN KAUNTER PEMBAHARUAN LESEN MEMANDU DAN LKM (CUKAI JALAN)
- MENGADAKAN KAUNTER BAYARAN KOMPAUN
- MENGADAKAN KAUNTER SEMAKAN SENARAI HITAM

- MENGADAKAN PEMERIKSAAN KHAS SECARA PERCUMA KEPADA MOTOSIKAL YANG TELAH TAMAT TEMPOH LKM MELEBIHI SATU TAHUN.
- PAMERAN DARI AGENSI-AGENCI KERAJAAN DAN SWASTA SEPERTI JPJ, AADK, KESIHATAN, PDRM, BOMBA PUSPAKOM, CELCOM DAN LAIN-LAIN AGENSI YANG TERLIBAT.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN MERUPAKAN ORANG YANG ISTIMEWA KERANA MENDAFTAR DALAM MENGIKUTI PROGRAM SKSJ INI. INI ADALAH KERANA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN DAPAT MENJALANI UJIAN BAHAGIAN I YAKNI UJIAN UNDANG-UNDANG JALANRAYA SECARA LISAN BERKELOMPOK. UNTUK PENGETAHUAN SEMUA, UJIAN UNDANG-UNDANG BAHAGIAN I INI, SEKARANG INI DIADAKAN SECARA BERKOMPUTER YANG DIJALANKAN DI PUSAT-PUSAT E-KHIDMAT YANG DILULUSKAN OLEH KERAJAAN. DENGAN PENGETAHUAN KOMPUTER DAN PERGERAKAN YANG TERBATAS, SUDAH TENTU IANYA AMAT SUKAR BAGI TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN UNTUK MENJALANINYA.

YANG BEHORMAT DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

SAYA INGIN MENASIHATI DAN MENGINGATKAN KEPADA SEMUA WARGA EMAS YANG BERJAYA MEMPEROLEHI LESEN PERCUBAAN MELALUI PROGRAM SKSJ INI, INGATLAH PELAJARAN YANG

DIPELAJARI MELALUI CERAMAH, LATIHAN TEORI DAN AMALI. TUNGGANGLAH MOTOSIKAL SECARA BERHEMAH DAN BERDISIPLIN DI JALAN RAYA. JANGAN PANDU LAJU-LAJU DAN INGATLAH KELUARGA TERSAYANG SEMASA MENUNGGANG MOTOSIKAL.

AKHIR KATA DARI SAYA, SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN UNTUK MENGUCAPKAN TAHNIAH DAN SYABAS KEPADA SEMUA YANG MENJAYAKAN PROGRAM MURNI INI. TERIMA KASIH KEPADA PIHAK PENGELOLA DAN SEMUA YANG HADIR BAGI MEMERIAHKAN MAJLIS INI. JUGA TIDAK LUPA KEPADA PIHAK SEKOLAH KEBANGSAAN SRI NETING, TUMPAT YANG MENYEDIAKAN TEMPAT BERLANGSUNGNYA MAJLIS INI.

SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN TERIMA KASIH DAN SOKONGAN PENUH SECARA LANGSUNG ATAUPUN TIDAK LANGSUNG KEPADA JPJ KELANTAN ADAN SEMUA PIHAK YANG BEKERJA KERAS DALAM MELAKSANAKAN PROGRAM SKSJ SIRI 1 TAHUN 2011. SAYA BERDOA DAN BERHARAP AGAR ILMU YANG DIPEROLEHI SEMASA PROGRAM INI DAPAT DIAMALKAN DAN DIPRAKTIKKAN SEPANJANG MASA. INSYAALLAH.

DENGAN LAFAZ YANG MULIA BISMILLAHHIRRAHMANIRRRAHIM,
DENGAN INI SAYA MERASMIKAN MAJLIS PENUTUP PROGRAM SATU
KOMUNITI SATU JPJ DI DAERAH TUMPAT, KELANTAN DENGAN
RASMINYA.

SEKIAN, WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM
WARAHMATULLAH HIWABARAKATUH.

SEKIAN, TERIMA KASIH.